

08/01/2004

Pemilihan Najib pecah tradisi naib presiden

Kadir Dikoh

KIRA-kira jam 5.45 petang kelmarin, Datuk Seri Najib Razak dilihat memasuki perkarangan Pejabat Perdana Menteri di Putrajaya. Seperti biasa, beliau nampak tenang.

Ketika itu, beliau mungkin sudah terhidu sesuatu meskipun tidak mengetahui dengan tepat tujuan sebenar Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi memanggilnya dengan notis singkat.

Apabila terserempak dengan Menteri Pertahanan itu di depan lif untuk naik ke Pejabat Perdana Menteri, Najib cuma tersenyum ketika diajukan pertanyaan: "Datuk nak jumpa Pak Lah ke?"

Beliau terus ke depan lif tetapi berhenti seketika apabila telefon bimbitnya berdering dan menjawab panggilan berkenaan.

Najib dilihat keluar dari perkarangan Pejabat Perdana Menteri kira-kira 30 minit kemudian. Dalam pertemuan itulah, Abdullah dikatakan memberitahu Najib mengenai pelantikannya sebagai Timbalan Perdana Menteri.

Najib kemudian terus menuju ke rumahnya di Jalan Duta di ibu negara, sebelum kembali semula ke Putrajaya bagi menghadiri jamuan malam perpisahan untuk Tun Dr Mahathir Mohamad di Kediaman Rasmi Timbalan Perdana Menteri, iaitu rumah rasmi yang bakal didudukinya.

Majlis itu berakhir jam 12.45 pagi dan apabila Najib sampai di rumahnya jam 1.10 pagi, sekumpulan wartawan dan jurugambar sudah berada di situ, sesetengahnya menunggu seawal jam 10.30 malam.

Namun, beliau tidak mengesah atau menafikan khabar angin itu meskipun mendepani pertanyaan bertubi-tubi daripada wartawan.

Khabar angin itu mula tersebar seawal jam 6 petang dan menjelang 9.30 malam, berita itu bagaikan "sudah sah" bahawa Najib akan diumumkan sebagai Timbalan Perdana Menteri yang baru, selepas mesyuarat Kabinet semalam.

Ura-ura mengenai pelantikan Najib mula berlegar selepas Abdullah mengambil cuti singkat di Pulau Pangkor minggu lalu.

Apabila TV3 dalam berita akhirnya dengan memetik sumber kerajaan menyebut Najib bakal dilantik ke jawatan nombor dua itu malam kelmarin, seluruh negara sudah mengetahuinya.

Malah, agensi berita asing lebih awal melaporkannya kira-kira jam 8.30 malam. Panggilan telefon terutama menerusi khidmat pesanan ringkas (SMS) mula tersebar.

Pengumuman secara rasmi pelantikan Najib sebagai Timbalan Perdana Menteri kesembilan - bagi mengisi kekosongan ditinggalkan Abdullah sejak 31 Oktober lalu - mengakhiri teka-teki yang menyelubungi politik tanah air sejak lebih setahun lalu apabila Dr Mahathir mengumumkan akan meletak jawatan Perdana Menteri dan menamakan Abdullah sebagai penggantinya.

Pelantikan ini menjadikan Najib sebagai Naib Presiden Umno paling kanan yang ketiga dilantik ke jawatan itu selepas Tan Sri Musa Hitam dan Datuk Seri Anwar Ibrahim, tetapi kedua-duanya berakhir setakat jawatan itu.

Jika Menteri Pertahanan itu berjaya melepasi 'badi' dan ditakdirkan sebagai pengganti Abdullah bagi jawatan Perdana Menteri suatu hari nanti, bermakna lakaran sejarah tradisi dalam Umno turut tercatat.

Sejarah lalu menunjukkan penyandang jawatan Perdana Menteri adalah dari kalangan Naib Presiden Umno nombor tiga bermula daripada Tun Abdul Razak Hussein, Tun Hussein Onn dan Dr Mahathir.

Abdullah pula adalah Timbalan Perdana Menteri yang kedua dipilih di kalangan Naib Presiden nombor dua selepas Tun Ghafar Baba dalam era Dr Mahathir.

Malah, tradisi seorang yang pernah memegang jawatan Menteri Pendidikan juga bakal menyandang jawatan Timbalan Perdana Menteri dan seterusnya Perdana Menteri, terus menjadi meskipun kini jawatan itu dikatakan sudah tidak lagi bagaikan 'batu loncatan' untuk menaiki mercu tangga politik.

Najib adalah Menteri Pendidikan di antara 1995 hingga 1999. Begitu juga Abdullah, Dr Mahathir, Hussein dan Razak yang masing-masing pernah memegang jawatan Menteri Pendidikan, dulu dikenali sebagai Menteri Pelajaran.

Pengumuman yang dibuat oleh Abdullah boleh dikatakan bukan sesuatu yang mengejutkan atau di luar dugaan sama sekali.

Dengan sendirinya juga, percakapan politik dan pelbagai bentuk spekulasi berkisar kepada jawatan Timbalan Perdana Menteri, terutama selepas Abdullah mengangkat sumpah jawatan sebagai Perdana Menteri yang kelima 31 Oktober lalu, kini terjawab.

Mungkinkah pengisian jawatan nombor dua dalam kerajaan itu memberi isyarat bahawa pilihan raya umum semakin dekat? Ini kerana Abdullah dikatakan memerlukan seorang timbalan untuk menghadapi pilihan raya umum ke-11 itu nanti.

Perhatian juga diberi kepada pemilihan jawatan dalam Umno tahun ini, apatah lagi pelbagai ikrar dan janji sudah dibuat untuk tidak menentang sesiapa saja yang dipilih sebagai Timbalan Perdana Menteri bagi jawatan Timbalan Presiden Umno.

Sejak jawatan Timbalan Perdana Menteri kosong hampir dua bulan lalu, nama Najib dan seorang lagi Naib Presiden, Tan Sri Muhyiddin Mohd Yassin, memang disebut-sebut dan sekali-sekala muncul nama seorang lagi Naib Presiden, Tan Sri Muhammad Muhd Taib.

Ini kerana secara tradisinya jawatan nombor dua dalam kerajaan dan Umno (tanpa mengira yang mana satu perlu diisi terlebih dulu) diisi oleh salah seorang daripada tiga Naib Presiden.

Malah, ketika teka-teki mengenai jawatan Timbalan Perdana Menteri semakin memuncak sejak kebelakangan ini, nama Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Rafidah Aziz, dikatakan turut tersenarai kerana kedudukannya sebagai Ketua Pergerakan Wanita Umno adalah juga secara automatik menduduki barisan Naib Presiden.

Lantas, pelantikan Najib kini dilihat sebagai tokoh yang bakal mewarisi kepemimpinan negara selepas Abdullah suatu hari nanti.

Pada zaman Dr Mahathir menjadi Perdana Menteri dan Presiden Umno, dua Naib Presiden yang paling kanan dan dua Naib Presiden nombor dua menjadi pilihannya untuk menyandang jawatan nombor dua, meskipun sejarah sebelum itu membuktikan Naib Presiden nombor tiga termasuk Dr Mahathir sendiri adalah mereka yang sentiasa bernasib baik.

Naib Presiden paling kanan yang dipilih Dr Mahathir sebagai orang nombor dua ialah Musa dan Anwar tetapi mereka tidak bernasib baik. Apabila Ghafar dipilih sebagai Timbalan Perdana Menteri, beliau adalah Naib Presiden nombor dua selepas Tengku Razaleigh Hamzah dan nombor tiga ketika itu ialah Tan Sri Wan Mokhtar Ahmad, bekas Menteri Besar Terengganu.

Pada 8 Januari 1999 pula, Dr Mahathir memilih Abdullah, juga nombor dua selepas Najib, sebagai Timbalan Perdana Menteri.

"Pada 1999 itu, keadaannya berbeza sedikit apabila Pak Lah dipilih sebagai Timbalan Perdana Menteri walaupun menduduki jawatan naib presiden nombor dua selepas Najib. Ketika itu, ada rasional memilih Pak Lah termasuk imejnya yang bersih dalam keadaan yang masih diselubungi oleh isu Anwar," kata seorang Ahli Parlimen.

"Tetapi kini pemilihan Najib pada saya adalah tepat kerana beliau Naib Presiden paling kanan. Kita tak boleh bandingkan sejarah lalu (1970-an) kerana keadaan ketika itu berlainan dan Dr Mahathir dipilih, bukan Ghafar yang menjadi Naib Presiden paling kanan kerana kita perlu orang seperti Dr

Mahathir ketika itu," katanya.

Apabila Razak mengambil alih jawatan Perdana Menteri daripada Tunku Abdul Rahman, beliau memilih Tun Dr Ismail Abdul Rahman yang ketika itu berada dalam kedudukan nombor tiga di barisan Naib Presiden sebagai timbalannya.

Apabila Dr Ismail meninggal dunia, Razak memilih Hussein, juga Naib Presiden ketiga. Dr Mahathir, juga Naib Presiden nombor tiga apabila dilantik oleh Hussein sebagai Timbalan Perdana Menteri pada 5 Mac 1976 berikutan kematian mengejut Razak. Pada hal ketika itu, Naib Presiden Umno paling kanan ialah Ghafar, diikuti Razaleigh.

Dua tahun kemudian iaitu pada 1978, Dr Mahathir disahkan ke jawatan Timbalan Presiden Umno.

Jawatan Timbalan Perdana Menteri mempunyai sejarah tersendiri dan sepanjang kewujudan jawatan itu, ia sudah disandang oleh sembilan pemimpin, iaitu Razak, Dr Ismail, Hussein, Dr Mahathir, Musa, Ghafar, Anwar, Abdullah dan kini Najib.

Hussein mengambil masa lebih dua bulan sebelum menamakan Dr Mahathir sebagai Timbalan Perdana Menteri pada 4 April 1976. Hussein mengambil alih jawatan Perdana Menteri berikutan kematian Razak pada 14 Januari 1976.

Dr Mahathir, ketika dinamakan sebagai Timbalan Perdana Menteri, berada di Segamat, Johor untuk menghadiri majlis perjumpaan dengan ahli Umno.

"Di Dewan Bandaran Segamat tidak ada televisyen. Radio pun tak ada. Saya pasang radio kereta rasmi Dr Mahathir. Allahyarham Datuk (kemudian Tun) Hussein mengumumkan satu persatu nama barisan Kabinet beliau. Nama Dr Mahathir pun disebut sebagai Menteri Pelajaran. Saya mendengar satu persatu dengan penuh minat.

"Allahyarham Tun Hussein masih tidak mengumumkan siapa jadi Timbalan Perdana Menteri. Setelah habis nama senarai ahli Kabinet, barulah beliau menamakan siapa menjadi Timbalan Perdana Menteri," kata bekas Setiausaha Politik Dr Mahathir, Tan Sri Megat Junid Megat Ayob, dalam bukunya 'Gayat', terbitan 2001.

Tulis Megat Junid lagi: "Bila saja Tun Hussein menyebut nama Dr Mahathir, saya terpegun dan percaya tidak percaya. Tapi itulah kenyataan. Saya keluar dari kereta, meluru ke majlis perjumpaan dan terus ke hadapan di mana Dr Mahathir sedang memberi ucapan.

"Dr Mahathir berhenti sejenak dan saya terus memberitahu bahawa beliau kini (ketika itu) Yang Amat Berhormat. Hadirin tercengang tapi akhirnya mereka dapat meneka. Di Segamatlah mulanya Dr Mahathir dipanggil Yang Amat Berhormat," kata Megat Junid yang kini Ketua Penerangan Umno.

Beberapa rentetan selama ini sememangnya memihak kepada Najib. Malah, dua hari sebelum Abdullah mengangkat sumpah jawatan sebagai Perdana Menteri Malaysia kelima pada 31 Oktober lalu, Najib dilihat begitu rapat dengan Abdullah.

Pada petang 29 Oktober itu, ketika orang ramai sedang menunggu ketibaan Dr Mahathir di perkarangan Masjid Negara, Abdullah kelihatan asyik berbual dengan Najib di atas pentas khas dalam khemah yang didirikan di perkarangan masjid berkenaan.

Selang dua kerusi kosong yang dikhaskan untuk Dr Mahathir dan isterinya, Tun Dr Siti Hasmah Mohd Ali, seorang lagi Naib Presiden Umno, Muhyiddin, berbual dengan Setiausaha Agung Umno, Tan Sri Khalil Yaakob, pada sebelah kiri pentas.

Hanya mereka berempat berada di pentas ketika itu pada Majlis Bantuan Hari Raya dan Berbuka Puasa anjuran Badan Perhubungan Umno Wilayah Persekutuan.

Perbualan yang kelihatan agak serius di antara Abdullah dan Najib itu mengambil masa selama kira-kira 20 minit dan sudah pastinya mendapat perhatian orang ramai yang terdiri daripada orang Umno dan jempunan di

kalangan pemimpin parti komponen yang sedang duduk memenuhi puluhan meja berhadapan pentas.

Tiada siapa tahu apakah tajuk perbincangan itu. "Yang pasti mereka tidak akan berbual mengenai golf," kata seorang pemimpin kanan sebuah parti komponen Barisan Nasional (BN) ketika itu.

Pada 7 Julai tahun lalu, Najib dilihat menaiki pesawat eksekutif bersama Abdullah dari Kuantan ke Kuala Lumpur. Kedua-duanya dikatakan duduk bersebelahan dalam pesawat jenis Falcon 900 itu dalam penerbangan yang memakan masa 30 minit, terus ke pangkalan Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) Subang.

Malah, sehari sebelum itu, Najib turut menaiki pesawat Falcon 900 yang sama dengan Abdullah dari Kuala Lumpur ke Kuantan, kerana kedua-duanya menghadiri satu majlis di Pahang selain menemui pemimpin Badan Perhubungan Umno negeri itu.